



Tambah pendapatan melalui inap desa

Klang: Koperasi Orang Asli digalakkan mencuba bidang baru iaitu pelancongan desa bagi meningkatkan pendapatan berikutan ia tidak memerlukan modal yang besar.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelancongan desa seperti homestay atau inap desa mampu menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara.

“Ramai orang di luar sana ingin mengetahui kehidupan sebenar Orang Asli kerana perbezaan budaya dan cara hidup.

“Inap desa lebih mudah kerana konsepnya, pelancong akan tinggal bersama dan makan makanan yang sama seperti tuan rumah. Maka, tidak perlu membina rumah baru atau menyediakan makanan ber-

asingan,” katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Orang Asli Peringkat Kebangsaan 2018, di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Senator Orang Asli Semananjung, Isa Ab Hamid.

Ismail berkata, terdapat 94 koperasi Orang Asli di negara ini dengan keahlian seramai 13,599 orang.

“Sebanyak 88 daripadanya adalah koperasi mikro yang mempunyai perolehan kurang daripada RM200,000, lima koperasi kecil dengan perolehan RM200,000 hingga RM1 juta dan satu koperasi sederhana dengan perolehan RM1 juta hingga RM5 juta,” katanya.